



TERBITAN
23

2021
13 OGOS

SIDANG REDAKSI

Penerbit:
**Program Kajian Sejarah
dan Serantau, Penang
Institute**

Penasihat:
Ooi Kee Beng

Penyunting:
Izzuddin Ramli

Penolong Penyunting:
**Nidhal Mujahid
Sheryl Teoh
Lokman Redzuan**

Pereka Grafik:
Nur Fitriah

© Hak cipta adalah milik
pengarang.

Segala fakta dan pendapat
adalah di bawah
tanggungjawab pengarang.
Pandangan dan tafsiran
pengarang tidak semestinya
mencerminkan pandangan
rasmi penerbit.

Penerbitan semula karya ini
adalah dengan izin
pengarang.

PENANG
INSTITUTE
making ideas work

10 Brown Road
10350 George Town
Penang, Malaysia

(604) 228 3306
www.penanginstitute.org
suaranadi@penanginstitute.org

SUARANADI

PENANG INSTITUTE

Merdeka: Meraih Semula Kebebasan

Nursyazana Khidir Neoh

KALAU tidak kerana titik peluh nenek moyang kita berpuluhan-puluhan tahun dahulu, tidak mungkin dapat kita mentadbir diri sendiri pada hari ini. Laungan keramat “merdeka” oleh Tunku Abdul Rahman yang bergema di setiap penjuru Padang Kelab Selangor lebih enam dekad dahulu bukan barang percuma. Banyak nyawa yang tergadai, harta yang musnah, dan maruah yang tercalar untuk membolehkan anak bangsa Malaysia menghirup udara kebebasan.

Namun, sudah lumrahnya manusia. Kemewahan dan kesenangan yang kita nikmati hari ini kadangkala menjadikan kita lupa tentang segala kepayahan yang dilalui dan pengorbanan yang dilakukan oleh para leluhur kita. Daripada memandang jauh ke luar, kita menghabiskan masa untuk berbalah sesama sendiri. Kemerdekaan seakan-akan kehilangan maknanya akibat sikap mementingkan diri sendiri.

Jika para pendahulu kita berhadapan dengan penjajah yang kasat mata, pada hari ini kita sendiri sedang diuji. Kita berhadapan dengan penjajah baharu yang halimunan sifatnya iaitu virus Covid-19. Kehidupan menjadi terpencil dan untuk memastikan keselamatan, gerak-geri kita menjadi terbatas. Lalu, pengajaran apa yang boleh kita ambil daripada kepayahan ini?

Wabak Covid-19 telah memberikan kesan terhadap pelbagai aspek kehidupan baik ekonomi, sosial maupun budaya. Ia juga memberikan peluang kepada kita untuk merenung kembali cara kita menghargai kebebasan yang dimiliki. Lihat sahaja bagaimana kita hidup sebagai sebuah masyarakat. Semangat bersatu padu antara masyarakat berbilang kaum kini kian tipis dan hampir pupus. Kita semakin berpecah-belah, saling mengutuk dan menyalahkan satu sama lain tanpa mengenangkan kesepaduan yang dahulu kita perjuangkan.

Kita terlalu mengejar untuk membuktikan kaum dan bangsa yang mana lebih berkuasa dan berjaya sehingga sanggup menjatuhkan kaum dan bangsa yang lain. Malah, terdapat segelintir individu sanggup menikam sesama sendiri daripada belakang, demi kemewahan, kuasa dan pangkat yang sementara. Tahukah kita betapa gagalnya kita menghargai erti kemerdekaan dalam kita sibuk mengejar kejayaan berdasarkan perbezaan bangsa dan kaum? Nenek moyang kita tidak memperjuangkan kemerdekaan untuk kita musnahkan begitu sahaja mengikut kepentingan diri kita sendiri.

Wabak ini telah membuka mata dan meruntun hari kita semua tidak kira bangsa

ataupun agama. Kita berasa bimbang dengan kesihatan pesakit yang menghidap virus ini dan sekali gus bersympati terhadap ahli keluarga yang terlibat. Virus yang menyerang masyarakat tanpa mengenal latar belakang ini telah mengeratkan lagi hubungan antara kaum atau bangsa. Setidak-tidaknya, kita menjadi lebih bertanggungjawab untuk menjaga diri dan orang lain tanpa mengira sesiapa.

Semangat bersatu padu antara masyarakat berbilang kaum kini kian tipis dan hampir pupus. Kita semakin berpecah-belah, saling mengutuk dan menyalahkan satu sama lain tanpa mengenangkan kesepaduan yang dahulu kita perjuangkan.

Wabak Covid-19 mengajar kita untuk menghargai kebebasan yang kita kecapi sebelum ini. Kehadiran virus ini telah memberikan kesan yang besar terhadap status ekonomi setiap individu.

Ramai antara kita telah diberhentikan kerja, dikurangkan pendapatan bulanan dan tidak dapat mencari peluang pekerjaan. Kita seolah-olah telah disekat kebebasan untuk meneruskan kehidupan mengikut keselesaan yang telah kita kecapi sebelum ini. Masyarakat menjalani kehidupan dalam keadaan ekonomi yang teruk sehingga segelintir terpaksa mengemis bantuan untuk meneruskan kehidupan. Malah, ada juga yang memilih untuk mengambil nyawa sendiri untuk keluar daripada tekanan hidup.

Pergerakan kita juga terbatas dan tidak bebas untuk bertemu sanak-saudara meskipun dalam jarak berdekatan. Kebebasan untuk berkumpul yang tidak kita hargai sebelum ini telah menjadi sesuatu yang kita harapkan semula sekarang. Masyarakat yang terlalu sibuk mengejar kekayaan dan kejayaan dalam pekerjaan hingga terleka untuk menziarahi ahli keluarga mula mengharapkan negara kita bebas daripada virus ini agar dapat berkumpul bersama keluarga semula.

Masih terbayang di mata akan kemeriahan kita menyambut perayaan setiap tahun. Kita bebas untuk membeli-belah, bergelak tawa dengan keluarga dan

sahabat handai serta bebas bersalaman dan bersentuhan bagi bertanya khabar. Namun, dua tahun kebelakangan ini apa yang pernah kita lalui sebelum ini hanya tersemat dalam kenangan. Demi memastikan ancaman wabak ini berakhir, kita perlu akur akan peraturan yang ditetapkan.

Hidup dan pergaulan kita disekat. Meskipun sukar diterima namun itulah realiti. Situasi ini secara tidak langsung dapat dikaitkan dengan masyarakat pada zaman penjajahan dahulu. Mereka tidak bebas untuk keluar ke mana sahaja kerana bimbang akan ditangkap atau dibunuh oleh penjajah. Keadaan yang kita alami sekarang seolah-olah seperti keadaan darurat di zaman penjajah. Bezanya penjajahan dahulu dan sekarang adalah tiada pertumpahan darah meskipun nyawa tetap melayang.

Virus yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar ini mampu menjajah masyarakat sehingga segala kebebasan boleh hilang dengan sekelip mata. Penjajah ini tidak mungkin akan berhenti menjajah kita sekiranya kita tidak bersatu padu seperti masyarakat di zaman nenek moyang kita dahulu. Mereka bertungkus-lumus menentang penjajah demi mencapai kehidupan yang bebas dan harmoni.

Tidakkah kita rindukan kebebasan yang kita kecapi sebelum ini? Bilakah penjajahan ini akan berakhir dan bilakah kita akan dapat merasai erti merdeka semula? Jawapannya terletak pada usaha daripada setiap individu untuk kekal menjaga diri, mendapatkan vaksin, dan mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan.

Virus yang menyerang masyarakat tanpa mengenal latar belakang ini telah mengeratkan lagi hubungan antara kaum atau bangsa. Setidak-tidaknya, kita menjadi lebih bertanggungjawab untuk menjaga diri dan orang lain tanpa mengira sesiapa.

Kemerdekaan daripada penjajah Covid-19 ini semestinya lebih membawa makna dalam kehidupan masyarakat di Malaysia. Kita semua mengharapkan kebebasan daripada penjajah ini agar hidup dengan harmoni seperti sedia kala. Masyarakat pastinya akan

menghargai erti kebebasan sebenar, menghargai titik peluh dan usaha nenek moyang yang berjuang demi kebebasan serta lebih menghargai erti kemerdekaan. Sekiranya kita berpeluang untuk merasai kemerdekaan kali ini, pasti ramai yang tidak akan terlalu selesa dengan kebebasan yang dikecapi.

Tuntasnya, kita hendaklah terus berusaha untuk menghapuskan virus yang secara tiba-tiba menyerang seluruh dunia ini agar kita dapat menikmati semula kebebasan untuk

hidup. Usaha daripada semua pihak amatlah diperlukan bagi membawa kepada satu kejayaan yang telah lama kita idamkan sejak wabak melanda. Jadikan kemerdekaan kita kali ini merupakan kemerdekaan yang paling bermakna kerana ia telah mengajar kita nilai dan erti sebenar kebebasan. Ayuh terus berusaha memerdekakan diri kita daripada virus Covid-19 ini.

Selamat menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-64 buat semua rakyat Malaysia!



Nursyazana Khidir Neoh merupakan seorang Pembantu Pentadbiran di Penang Institute. Beliau mendapat pendidikan dalam bidang Perlادangan Hutan dan Perhutani di Universiti Malaysia Sabah.